

27/10/1998

Masyarakat wajar tingkat pengetahuan sejarah negara

SEREMBAN, Isnin - Masyarakat di negeri ini disaran agar terus meningkatkan pemahaman mereka dari aspek sejarah penubuhan negara dalam usaha untuk mewujudkan masyarakat patriotik.

Pengarah Perpaduan negeri, Baharin Idris berkata langkah itu bertujuan menyemai sikap bertanggungjawab secara kolektif dalam diri individu agar terus menghayati semangat perpaduan kaum.

Katanya, masyarakat perlu bekerja keras menjadikan negara ini sebagai contoh kepada masyarakat negara lain dengan keharmonian diwujudkan itu kerana menggambarkan gabungan murni rakyat banyak membantu pembangunan negara.

"Mereka perlu menghayati sejarah kemerdekaan negara terdahulu di mana pemimpin dan rakyat bersatu padu bekerjasama bersungguh-sungguh untuk mencapai kemerdekaan dari penjajah dan tanpa kerjasama erat, hasrat itu mungkin tidak tercapai," katanya, di sini, hari ini.

Beliau berkata, inisiatif untuk mewujudkan persefahaman dalam masyarakat amat perlu bagi memastikan setiap usaha untuk membina benteng negara yang kukuh dapat diwujudkan.

Katanya, sejarah banyak membuktikan kejayaan pembangunan dan nilai kemanusiaan murni banyak berteraskan permuafakatan utuh sesama masyarakat pelbagai kaum untuk mencapai matlamat itu.

"Sikap saling bertolak-ansur dalam kehidupan mereka amat penting kerana ia membuktikan komitmen rakyat untuk hidup dalam aman damai dan tanpa ada sebarang salah faham yang boleh merosakkan perpaduan," katanya.

Beliau berkata, komitmen berterusan itu ternyata memberi pelbagai manfaat kepada mereka termasuklah untuk berganding bahu ketika negara dalam susah-senang negara.

Katanya, selain itu, dalam suasana demikian, mutu pendidikan dan sosio-ekonomi masyarakat di pelbagai peringkat juga dapat dipertingkatkan dengan bertambah baik lagi.

"Sehingga kini, kejayaan perpaduan membolehkan rakyat mendapat pendidikan lebih baik untuk meningkatkan taraf hidup dan pengetahuan mereka tanpa menjejaskan nilai murni kemasyarakatan yang sedia wujud," katanya.

Sementara itu, Jabatan Perpaduan juga akan mengadakan sambutan Hari Perpaduan di Ruang Legar Terminal One Seremban pada 31 Oktober ini.

Pelbagai acara menarik telah disusun termasuk persembahan Tabikarama kanak-kanak Taman Bimbingan Kanak-kanak (Tabika) dari daerah Seremban dan sebagainya lagi.

Ia dijangka dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Goh Siow Huat.

Hari Perpaduan peringkat Kebangsaan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 14 Oktober lalu di Shah Alam, Selangor.

(END)